

**PENDIDIKAN ALTERNATIF SEBAGAI WADAH  
KETERANGKUMAN SOSIAL DALAM KALANGAN PENDUDUK  
YANG TIADA KEWARGANEGARAAN DI PULAU MABUL,  
SABAH**

*Alternative Education as Channels for Social Inclusion among  
Non-Citizens People of Pulau Mabul, Sabah*

*Badariah Binti Saibeh  
Universiti Malaysia Sabah  
badariah\_sh@ums.edu.my*

**ABSTRAK**

Kajian ini meneliti hubungan antara kewarganegaraan dan kebolehcapaian terhadap pendidikan dalam kalangan penduduk yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri. Lokasi kajian adalah di Pulau Mabul, Sabah. Terdapat lebih daripada 80 Peratus penduduk Pulau Mabul yang mengalami masalah kewarganegaraan, seterusnya memberi kesan kepada kebolehcapaian terhadap pendidikan dan keterangkuman sosial. Pendidikan adalah hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 dan Pendidikan untuk Semua. Namun, dalam konteks Malaysia, keperluan menegakkan hak asasi dan falsafah pendidikan untuk semua tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan ketetapan-ketetapan tertentu dalam perundangan kebangsaan - Akta Pendidikan 1996. Dalam artikel ini, falsafah 'pendidikan untuk semua' dalam konteks pendidikan untuk keterangkuman sosial diteliti melalui tiga dimensi iaitu sumber, keupayaan dan peluang. Sumber merupakan kemahiran dan aset yang dimiliki oleh seseorang. Keupayaan adalah kebolehan individu untuk menggunakan sumber dan peluang. Peluang pula adalah persekitaran yang membolehkan individu menggunakan keupayaan dan sumber untuk mencapai hasil yang diinginkan. Kerja lapangan telah dilakukan selama lebih kurang tiga bulan di Pulau Mabul yang melibatkan temu bual separa berstruktur dan pemerhatian ikut serta sebagai tenaga pengajar di pusat pembelajaran alternatif. Hasil kajian mendapati kebanyakan penduduk di Pulau Mabul mengalami masalah kewarganegaraan kerana tidak mempunyai dokumen pengenalan diri, seterusnya memberi kesan kepada kebolehcapaian terhadap pendidikan dan keterangkuman sosial. Penemuan kajian juga menunjukkan bahawa ketidakbolehcapaian terhadap pendidikan formal menuntut penawaran pendidikan alternatif untuk mereka yang terkecuali daripada pendidikan formal. Maka, penduduk yang mengalami masalah kewarganegaraan

mempunyai peluang boleh capai terhadap pendidikan. Justeru, kajian ini mencadangkan agar penawaran pendidikan alternatif diperbanyakkan supaya lebih ramai penduduk boleh capai terhadap pendidikan demi keterangkuman sosial dan kesejahteraan negara.

**Kata kunci:** Pendidikan alternatif, keterangkuman sosial, tiada kewarganegaraan, hak asasi manusia.

### **ABSTRACT**

*This study examines the relationship between citizenship status and access to education amongst people who do not have proper identification documents in Mabul Island, Sabah. More than 80 per cent of its population do not have proper identification documents, making it difficult for them to confirm their citizenship. This affects their access to education and social inclusion. As stated in the UDHR 1948, CRC 1989 and EFA movement, education is a basic human right for every human being. However, in Malaysian context, this basic human right cannot be fully implemented due to specific provisions in the national legislation on education. In this research, the 'education for all' philosophy in the context of education for social inclusion is examined through three dimensions – resources, capabilities and opportunities. Resources refer to the skills and assets possessed by an individual. Capabilities refer to the individual's ability to use his/her resources and opportunities. Opportunities refer to the environment that enables the individual to use his resources and opportunities to meet his/her needs. A three month fieldwork of data collection was conducted in Mabul Island involving structured interviews, semi-structured interviews, observation and participant observation as teacher at alternative learning centres (ALC). The study specifically examines the composition of the population in relation to their citizenship status, availability of education, access to education based on citizenship status, and the issue of education for social inclusion. Findings indicate that most residents face problems with citizenship status because they do not have official identification documents. This in turn affects their access to formal education. The findings reveal that non-access to formal education calls for the provision of alternative education for those excluded. This study proposes for ALCs to be increased so that education can be more accessible to everyone for the purpose of social inclusion and well-being of the country.*

**Keywords:** *Alternative education, social inclusion, non-citizens, human rights.*

## **PENGENALAN**

Pendidikan adalah hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948. Pendekatan pendidikan sebagai hak asasi manusia adalah berdasarkan tiga prinsip, iaitu (i) kebolehcapaian terhadap pendidikan wajib dan percuma, (ii) kesamarataan, keterangkuman dan tiada diskriminasi, dan (iii) hak terhadap pendidikan yang berkualiti, kandungan dan proses pembelajaran. Sehubungan itu, pendidikan merupakan wadah yang penting untuk melibatkan masyarakat dalam keterangkuman sosial.

Seterusnya menurut *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) (2005), pendidikan untuk keterangkuman sosial mengguna pakai visi ‘Pendidikan untuk Semua’ atau *Education for All* (EFA) bagi merealisasikan keperluan manusia terhadap pendidikan termasuklah kanak-kanak yang terpinggir (*exclusion*). Antara kumpulan kanak-kanak yang terpinggir adalah kanak-kanak teraniaya, kanak-kanak orang pelarian, kanak-kanak etnik minoriti, buruh kanak-kanak, migran kanak-kanak, kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak penghidap HIV dan kanak-kanak nomad (UNESCO, 2015a). Kanak-kanak yang terpinggir ini boleh terlibat dalam keterangkuman sosial dengan cara memberikan hak mereka untuk menerima pendidikan.

Walau bagaimanapun, pemberian hak pendidikan atau pelaksanaan pendidikan di sesebuah negara adalah bergantung kepada perundangan negara berkenaan. Pelaksanaan pendidikan dalam konteks negara Malaysia adalah berkait rapat dengan Akta Pendidikan 1996 yang hanya menekankan hak pendidikan terhadap penduduk yang memiliki dokumen pengenalan diri berstatus sebagai warganegara Malaysia sahaja. Sementara itu, penduduk yang mengalami isu pemilikan dokumen pengenalan diri dan tiada kewarganegaraan, mereka tidak mempunyai jaminan untuk menikmati perkhidmatan pendidikan kebangsaan di negara ini. Pada tahun 2009, *United Nations Development Programme* atau UNDP (2015) melaporkan terdapat seramai 43,973 orang kanak-kanak di Malaysia yang berumur dalam umur persekolahan iaitu, tujuh hingga 17 tahun tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan mereka tidak

bersekolah. Dokumen pengenalan diri yang tidak dimiliki oleh kanak-kanak tersebut adalah Sijil Lahir berstatus sebagai warganegara Malaysia yang menjadi syarat pendaftaran di sekolah kerajaan (Olson, 2007; Zakaria, 2014; Allerton, 2014; UNICEF, 2013, 2015a, 2015b, 2015c).

Sehubungan itu, isu kanak-kanak yang tidak berpendidikan ini telah menjejaskan prestasi Malaysia sebagai negara ahli dalam *Education for All* (EFA). Laporan akhir EFA pada tahun 2015 melaporkan bahawa Malaysia tidak dapat menjayakan sepenuhnya perkara-perkara dalam pelan EFA. Namun begitu, memandangkan Malaysia terus menjadi negara ahli dalam pelan Education 2030 (Deklarasi Incheon) atau EFA 2030 akan datang (UNESCO, 2015a), maka Kerajaan Malaysia berusaha memperbaiki prestasinya dengan memberikan ‘pendidikan untuk semua’ kepada kanak-kanak di negara ini, termasuklah kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan. Hal ini bertepatan dengan motto EFA 2030, “*towards inclusive and equitable quality education and lifelong learning for all*” (UNESCO, 2015a, 2015b).

Lantaran itu, pada tahun 2010, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pusat Pembelajaran Alternatif untuk menyediakan pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak layak menerima pendidikan di sekolah kebangsaan atau sekolah kerajaan. Pusat-pusat pembelajaran alternatif ini ditubuhkan, dioperasikan dan dibiayai oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) dengan pemantauan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (Badariah *et al.*, 2013, 2014b, 2015, 2016). Seterusnya, tenaga pengajar, mata pelajaran dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di pusat-pusat pembelajaran alternatif juga ditentukan oleh badan-badan bukan kerajaan tersebut. Oleh itu, artikel ini membincangkan sejauh manakah pendidikan alternatif yang ditawarkan oleh pusat pembelajaran alternatif dapat dijadikan wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di negara ini, khususnya di Pulau Mabul, Sabah.

### **Isu kewarganegaraan dan hak pendidikan**

Pada tahun 2010, UNDP (2015) melaporkan jumlah penduduk bukan warganegara di Malaysia adalah seramai 2,320,779 orang. Pecahan jumlah penduduk bukan warganegara tersebut di Semenanjung Malaysia adalah

seramai 1,313,908 orang daripada 22,297,317 orang bagi jumlah keseluruhan penduduknya. Jumlah penduduk bukan warganegara di Sarawak pula seramai 117,092 orang daripada 2,471,140 orang jumlah keseluruhan penduduk Sarawak. Sementara itu, jumlah penduduk bukan warganegara di Sabah seramai 889,779 orang daripada 3,206,742 orang jumlah keseluruhan penduduk di Sabah adalah (UNDP, 2014). Walaupun jumlah penduduk bukan warganegara di Semenanjung Malaysia kelihatan ramai, berdasarkan jumlah mengikut negeri, negeri Sabah adalah negeri yang mempunyai jumlah penduduk bukan warganegara paling ramai di Malaysia. Kenyataan ini dikukuhkan lagi oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang melaporkan bahawa negeri yang paling banyak penduduk yang mengalami isu status kewarganegaraan di Malaysia adalah negeri Sabah (SUHAKAM, 2015).

Isu kewarganegaraan yang berlaku di Sabah adalah berkait rapat dengan kedatangan orang pelarian Filipina ke negeri Sabah sejak tahun 1970-an. Pada tahun 1974, seramai 17,000 orang pelarian Filipina berada di Sabah (Penyata Rasmi Dewan Rakyat 1974). Jumlah mereka meningkat setiap tahun iaitu 90,000 pada tahun 1976 (*Daily Express*, 1981), 100,000 orang pada tahun 1981 (*Daily Express*, 1981) dan 200,000 orang pada tahun 1986 (*Daily Express*, 1986). Selain kedatangan orang pelarian Filipina secara beramai-ramai ke Sabah, peningkatan tersebut juga disebabkan oleh kelahiran anak-anak mereka di negara ini (Azizah & Ubong, 2005).

Sehubungan itu, anak-anak orang pelarian Filipina inilah yang cenderung untuk menjadi ‘orang tidak berwarganegara’ kerana kelahiran mereka di Sabah tidak didaftarkan dan menyebabkan mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri iaitu sijil lahir (Badariah, 2018). Isu kewarganegaraan disebabkan ketiadaan dokumen pengenalan diri yang dihadapi oleh generasi orang pelarian Filipina di Sabah mengakibatkan akses mereka terhadap hak asasi manusia di negara ini seperti hak perlindungan, kebajikan, kesihatan dan pendidikan tidak terjamin dan bergantung kepada budi bicara pihak autoriti (Azizah & Ubong, 2005; UNICEF, 2015a, 2015b, 2015c). Sehubungan itu, generasi orang pelarian Filipina yang tidak mendapat jaminan hak asasi manusia ini hidup dalam keterpinggiran sosial di negara ini, khususnya di Sabah.

Walau bagaimanapun, hak asasi manusia orang yang tiada kewarganegaraan tidak dinafikan sepenuhnya di negara ini. Hak mereka diberikan mengikut budi bicara pihak autoriti tetapi tidak ada jaminan tentangnya. Dalam konteks hak pendidikan, sebelum tahun 2002, KPM pernah membenarkan kanak-kanak orang pelarian Filipina di Sabah menerima pendidikan di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (*Daily Express*, 1984 & 1986) dengan jumlah yuran yang lebih tinggi daripada kanak-kanak warganegara (Azizah & Ubong, 2005). Jumlah yuran yang dikenakan kepada kanak-kanak orang pelarian yang menerima pendidikan di peringkat sekolah rendah sebanyak RM120.00 setahun dan di peringkat sekolah menengah sebanyak RM240.00 setahun. Kebenaran untuk bersekolah ini menjadikan kanak-kanak orang pelarian Filipina mempunyai peluang untuk celik huruf. Pada tahun 2001, terdapat kira-kira 17,580 orang kanak-kanak orang pelarian menerima pendidikan di Sabah, tetapi kemudahan pendidikan kepada anak-anak orang pelarian ini telah ditamatkan pada tahun 2002 (Azizah & Ubong, 2005).

Setelah lapan tahun berlalu, Kerajaan Malaysia telah menjalankan inisiatif lain untuk memberikan pendidikan kepada golongan yang tiada kewarganegaraan di negara ini melalui Program Pembelajaran Alternatif di bawah KPM. Inisiatif ini diperkenalkan pada tahun 2010 oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memberi jaminan untuk menangani masalah bagi mencapai matlamat 'Pendidikan untuk Semua' di Malaysia, KPM akan bekerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi badan bukan kerajaan (NGO) untuk memastikan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri di negara ini diberikan pendidikan melalui Program Pembelajaran Alternatif di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (UNDP, 2015). Menurut UNICEF (2015b), pendidikan dalam Program Pembelajaran Alternatif merangkumi semua program pendidikan yang tidak dikategorikan sebagai pendidikan formal yang ditawarkan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Program pendidikan tersebut dilaksanakan melalui Pusat Pembelajaran Alternatif yang diuruskan oleh komuniti menggunakan kurikulum di peringkat sekolah rendah seperti pendidikan asas membaca, menulis dan mengira, pendidikan agama dan kemahiran hidup (menjahit) (UNICEF, 2015a; UNDP 2015).

Sehingga tahun 2013, Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sebanyak 177 buah dengan jumlah kanak-kanak seramai 15,039 orang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Pusat-pusat Pembelajaran Alternatif ini berada di seluruh Malaysia dan kebanyakannya berada di negeri Sabah yang mempunyai ramai kanak-kanak yang tiada pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015; UNDP, 2015). Walau bagaimanapun, jumlah kanak-kanak tanpa dokumen yang diterima masuk untuk mengikuti Program Pembelajaran Alternatif adalah terhad dan menyebabkan masih ramai kanak-kanak yang tiada kewargangeraan di negara ini khususnya di Sabah tidak berpeluang mendapat hak pendidikan (UNICEF, 2015a; UNDP, 2015).

### **Penduduk Pulau Mabul dan isu kewarganegaraan**

Pulau Mabul terletak di bahagian pantai timur negeri Sabah, dalam daerah Semporna dan merupakan destinasi pelancongan selam skuba yang terkenal di dunia. Menurut Lew (2013), Pulau Mabul disenaraikan tempat yang kelima dalam laman-laman web aktiviti selam skuba di seluruh dunia, menyebabkan Pulau Mabul merupakan pulau yang menjadi tumpuan pelancong di dalam dan luar negara, terutamanya dalam kalangan penyelam-penyelam skuba. Kedudukan Pulau Mabul di Laut Sulawesi disempadani oleh tiga buah negara iaitu Malaysia, Filipina dan Indonesia, manakala, kedudukan Pulau Mabul di Laut Sulu pula bersempadan dengan negara Filipina. Lokasi Pulau Mabul dalam peta antarabangsa seperti dalam Peta 1 menunjukkan Pulau Mabul terletak berdekatan pulau-pulau kecil negara Filipina. Pulau yang paling hampir adalah Pulau Sitangkai, Tawi-Tawi, Filipina.

Berdasarkan temu bual pengkaji dengan penduduk di Pulau Mabul, jarak masa dari Pulau Sitangkai, Filipina ke Pulau Mabul adalah selama dua jam setengah sahaja dengan menaiki bot laju. Selain itu, menurut Sadiq (2008), terdapat beberapa pulau di pantai timur Sabah yang hanya mengambil masa dalam 20 minit sahaja menaiki bot laju ke pulau-pulau di Filipina dan sebaliknya. Oleh hal yang demikian, lokasi Pulau Mabul yang berdekatan dengan selatan negara Filipina telah menjadi faktor penarik kedatangan orang pelarian perang dari negara Filipina pada tahun 1970-an ke Pulau Mabul secara beramai-ramai. Kedatangan mereka ke Pulau Mabul bertujuan untuk mencari tempat perlindungan, seterusnya menetap di pulau tersebut sehingga kini.



**PETA 1** Lokasi Pulau Mabul di sempadan antarabangsa  
Sumber: Diadaptasi daripada *Google Maps* (2014)

Data awal tentang kependudukan di Pulau Mabul diperoleh pada tahun 1995 daripada laporan Pasukan Petugas Khas Persekutuan bagi Sabah dan Labuan (Azizah & Ubong, 2005) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Jadual tersebut menunjukkan jumlah penduduk di Pulau Mabul selama sembilan tahun iaitu bermula tahun 1995 hingga tahun 2014. Jumlah penduduk Pulau Mabul pada tahun 1995 adalah seramai 1,429 orang yang terdiri daripada 72 orang tempatan, 1,087 orang pelarian dari Filipina dan 270 orang merupakan pendatang asing tanpa izin (PATI). Pendatang asing tanpa izin ini memasuki Sabah dan datang ke Pulau Mabul secara tidak sah, iaitu tidak melalui pemeriksaan pihak Imigresen negeri Sabah dan tidak memiliki dokumen pasport antarabangsa.

Pada tahun 1999, jumlah penduduk di Pulau Mabul adalah seramai 2,034 orang penduduk (Jabil & Abdul Kadir, 2008) dan ini menunjukkan berlaku peningkatan jumlah penduduk di Pulau Mabul seramai 605 orang dalam masa empat tahun. Menurut Kamaruzaman dan Ismail (2014), berdasarkan data profil penduduk Kampung Pulau Mabul tahun 2009, terdapat seramai 1,939 orang penduduk di Pulau Mabul dan berlaku pertambahan penduduk seramai



510 orang selepas sepuluh tahun. Jumlah penduduk warganegara (memiliki kad pengenalan) adalah seramai 254 orang. Selebihnya, seramai 1,685 orang adalah penduduk yang tidak memiliki kad pengenalan dengan jumlah orang dewasa seramai 886 orang dan jumlah kanak-kanak seramai 799 orang.

Profil penduduk Kampung Pulau Mabul tahun 2012 yang didokumenkan oleh Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan (JKKK) Kampung Pulau Mabul menunjukkan Pulau Mabul mempunyai 2,553 orang penduduk, iaitu bertambah seramai 517 orang berbanding tahun 1999. Seramai 578 orang penduduk adalah warganegara dan penduduk tetap. Seterusnya, seramai 1,975 orang penduduk adalah bukan warganegara dan seramai 1,094 orang daripadanya adalah orang pelarian Filipina. Seramai 881 orang lagi tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan diri rasmi dan bermasalah status kewarganegaraan (Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung Pulau Mabul, 2012).

Semasa pengkaji berada di Pulau Mabul menjalankan kajian lapangan, Ketua Kampung Imigran mendakwa bahawa profil penduduk kampung Pulau Mabul pada tahun 2012 dilakukan dengan tidak menyeluruh kerana profil tersebut tidak mengambil kira penduduk yang tinggal di Kampung Moso. Oleh itu, pada 6 Jun 2014, satu bancian secara menyeluruh dengan mengambil kira penduduk di Kampung Moso telah dilakukan oleh Ketua Kampung Imigran dengan bantuan ahli jawatankuasanya. Hasil bancian tersebut mendapati jumlah penduduk yang tinggal di Pulau Mabul pada tahun 2014 adalah seramai 3,345 orang. Penduduk orang tempatan adalah seramai 374 orang yang terdiri daripada 118 orang penduduk warganegara (pemegang dokumen MyKad) dan 66 orang penduduk tetap (pemegang dokumen MyPR). Penduduk orang pelarian (pemegang dokumen IMM13 – diberikan oleh pihak autoriti Sabah kepada orang pelarian perang dari Filipina) adalah seramai 456 orang, manakala penduduk yang tidak sah yang terdiri dariapda orang yang tiada kewarganegaraan (tiada dokumen pengenalan diri) dan pendatang asing tanpa izin (tiada dokumen perjalanan yang sah dan memasuki negara Malaysia secara tidak sah) pula adalah seramai 2,515 orang.

**JADUAL 1** Status penduduk di Pulau Mabul tahun 1995 hingga 2014

Status Kewarganegaraan / Tahun	1995	1999	2009	2012	2014
Orang Tempatan (warganegara dan penduduk tetap)	72	-	254	578	374
Orang Pelarian Filipina	1,087	-	-	1,094	456
Penduduk Tidak Sah (orang tanpa dokumen dan pendatang asing tanpa izin)	270	-	1,685	881	2,515
<b>Jumlah penduduk di Pulau Mabul</b>	<b>1,429</b>	<b>2,034</b>	<b>1,939</b>	<b>2,553</b>	<b>3,345</b>

Sumber: Data diadaptasi daripada Azizah dan Ubong (2005), Jabil dan Abdul Kadir (2008), Kamaruzaman dan Ismail (2014) dan Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung Pulau Mabul (2012) dan Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Pelarian Kampung Pulau Mabul (2014).

Isu kewarganegaraan yang dihadapi oleh lebih daripada 80 peratus penduduk di Pulau Mabul menyebabkan mereka hidup dalam keterpinggiran sosial. Ketiadaan dokumen pengenalan diri menyebabkan kehidupan mereka di negara ini bukan sahaja tidak selesa dan serba kekurangan, malah keselamatan mereka juga terancam (Badariah, 2018). Kajian Badariah (2018) di Pulau Mabul mendapati empat situasi yang dihadapi oleh penduduk Pulau Mabul yang tiada kewarganegaraan adalah mereka berisiko tinggi ditangkap oleh pihak berkuasa, sentiasa hidup dalam ketakutan, mendapat gaji yang rendah, iaitu hanya 20 peratus sahaja daripada jumlah gaji yang sebenar dan cenderung menjadi ‘orang tanpa negara’ (*stateless*). Situasi-situasi tersebut menunjukkan penduduk di Pulau Mabul menjalani kehidupan dalam keterpinggiran sosial. Kehidupan tanpa hak asasi manusia ini telah dihadapi menghampiri empat dekad. Sehubungan itu, usaha-usaha untuk membawa penduduk yang tiada kewarganegaraan ke dalam keterangkuman sosial wajar dilakukan, memandangkan mereka akan tetap terus tinggal di negara ini dan terlibat dengan aktiviti politik, sosial dan ekonomi bukan sahaja di Pulau Mabul tetapi di tanah besar Semporna, hinggalah di beberapa kawasan di negeri Sabah (Badariah, 2018).

### **Keterangkuman Sosial**

Keterangkuman dan keterpinggiran sosial digambarkan sebagai dikotomi dan kedua-duanya telah wujud di zon kelabu (*grey zone*) antara keterpinggiran

sosial dan keterangkuman sosial dalam populasi majoriti (Oyen, 1997). Dalam konteks keterangkuman sosial adalah tentang individu, kumpulan dan institusi yang saling berhubungan dalam sistem sosial yang lebih luas dan hubungan tersebut dikekalkan dan dipertingkatkan dengan cara yang harmoni (Dugarova, 2015). Secara sosialnya menurut Robo (2014), keterangkuman sosial dalam masyarakat adalah ketika semua orang berasa mempunyai nilai, perbezaan mereka dihormati, keperluan asas mereka dipenuhi dan mereka dapat hidup dengan bermaruah. Robo (2014) menjelaskan, terdapat beberapa nilai yang menyokong keterangkuman sosial seperti sokongan, penghargaan, penglibatan, kebebasan berkomunikasi dan menghargai perbezaan. Nilai-nilai yang menyokong keterangkuman sosial tersebut dapat menjadikan individu-individu yang berbeza dalam masyarakat saling mengenali dan menerima antara satu sama lain (Robo, 2014).

Oleh hal yang demikian, individu yang berada dalam keterpinggiran sosial akan dapat dilibatkan dalam keterangkuman sosial dengan memberikan mereka bantuan peluang dan sumber (Frazer & Marlier, 2013). Hal ini demikian kerana keterpinggiran sosial adalah proses menafikan kebolehcapaian terhadap peluang dan hak sosial individu atau kumpulan tertentu, maka individu dan kumpulan yang terpinggir ini dapat disokong melalui keterangkuman sosial (Avramoz, 2002). Avramoz (2002) menambah, keterangkuman sosial adalah proses yang dapat meningkatkan peluang untuk membangunkan dan membina semula ikatan sosial dengan menyediakan kemudahan dan kebolehcapaian penduduk dalam aktiviti sosial, pendapatan, institusi awam, program keselamatan sosial, bantuan dan perlindungan.

Takrifan keterangkuman sosial yang dikemukakan oleh Avramoz (2002) disokong oleh Oxoby (2009) yang menyatakan keterangkuman sosial adalah kebolehcapaian individu terhadap hak, sumber dan institusi serta jangkaan pulangan yang akan diberikan oleh individu tersebut. Sehubungan itu, kebolehcapaian yang dirasakan atau diterima oleh individu terhadap hak, sumber dan institusi akan memberi kesan kepada kepercayaan dan tingkah lakunya untuk membuat keputusan memberi jangkaan pulangan pelaburan dalam pelbagai bentuk modal (contohnya, modal manusia dan modal sosial). Seterusnya, secara konseptual berdasarkan perspektif ekonomi, keterangkuman menurut Oxoby (2009) dapat diterangkan dalam dua cara, iaitu

keterangkuman yang diterima oleh individu akan menggalakkan kepercayaan individu tersebut memberi pulangan pelaburan dan modal sosial. Cara yang kedua pula, halangan kebolehcapaian yang dihadapi oleh individu terhadap sumber akan menjejaskan kepercayaan individu tersebut untuk memberi pulangan pelaburan.

Australia adalah antara negara yang amat menekankan keterangkuman sosial dalam negaranya. *Analysis & Policy Observatory* (2012) melaporkan negara Australia mempraktikkan keterangkuman sosial dengan memberikan individu sumber, keupayaan dan peluang yang mereka perlukan seperti berikut:

- a. Belajar - mengambil bahagian dalam pendidikan dan latihan.
- b. Bekerja - mengambil bahagian dalam pekerjaan, kerja-kerja sukarelawan yang tidak berbayar termasuklah tanggungjawab terhadap keluarga dan pekerjaan.
- c. Penglibatan - berhubung dengan orang, menggunakan perkhidmatan awam dan menyertai aktiviti lokal, kebudayaan, sivik dan rekreasi.
- d. Mempunyai pilihan - untuk mempengaruhi keputusan yang menjejaskan mereka.

Sehubungan itu, artikel ini mengadaptasi pendekatan keterangkuman sosial yang digunakan oleh Kerajaan Australia berdasarkan dimensi sumber, keupayaan dan peluang. Pendekatan keterangkuman sosial ini dianalisis daripada aspek pendidikan alternatif yang ditawarkan oleh Pusat Pembelajaran Alternatif (PPA) di Pulau Mabul kepada kanak-kanak yang tidak dapat menerima pendidikan di sekolah kerajaan kerana mengalami isu kewarganegaraan dan hidup dalam keterpinggiran sosial. Seterusnya, artikel ini membincangkan bagaimana pendidikan alternatif dapat membawa penduduk yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul, khususnya kanak-kanak agar terlibat dalam proses keterangkuman sosial.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Pendekatan kualitatif kajian kes digunakan untuk memahami isu kewarganegaraan dan pendidikan di Pulau Mabul. Kaedah kajian yang digunakan untuk mengutip data kajian adalah temu bual separa berstruktur

terhadap penduduk yang terlibat dengan aktiviti pendidikan alternatif (digunakan dalam artikel ini sebagai tenaga pengajar) di Pulau Mabul dan kanak-kanak yang menerima pendidikan alternatif di PPA. Seterusnya, kaedah pemerhatian ikut serta digunakan dengan menjadi tenaga pengajar di PPA selama lebih kurang tiga bulan iaitu dari 7 Mac hingga 11 Jun 2014 (100 hari).

Soalan temu bual separa berstruktur kepada tenaga pengajar (TP) di Pulau Mabul adalah seperti yang ditunjukkan di Jadual 2. Soalan temu bual separa berstruktur kepada kanak-kanak yang menghadapi isu kewarganegaraan pula adalah tentang pengalaman mereka menerima pendidikan alternatif di PPA.

**JADUAL 2** Pembinaan soalan temu bual separa berstruktur bagi responden yang terlibat dengan aktiviti pendidikan di Pulau Mabul

<b>Soalan</b>	<b>Subsoalan</b>
Profil diri	Tempat asal, latar belakang pendidikan dan peranan dalam aktiviti pendidikan di Pulau Mabul.
Pendidikan di Pulau Mabul	Sejarah dan perkembangan pendidikan di Pulau Mabul, kanak-kanak dan pendidikan di Pulau Mabul.
Aktiviti pendidikan di Pulau Mabul	Aktiviti pendidikan di Pulau Mabul, aktiviti pengajaran dan pembelajaran di Pusat Pembelajaran Alternatif di Pulau Mabul.
Masalah pendidikan	Masalah pendidikan dalam kalangan orang yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul dan masalah pendidikan kanak-kanak di dalam kelas.
Harapan dalam pendidikan	Kepentingan pendidikan dan harapan pendidikan kanak-kanak di Pulau Mabul.

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan seramai lapan orang responden TP telah ditemu bual oleh pengkaji berhubung pendidikan di Pulau Mabul. Responden TP ini merupakan pengasas PPA, pengetua di madrasah yang memberikan pendidikan agama dan tenaga pengajar di PPA. Selain itu, terdapat juga responden TP merupakan orang yang terlibat dengan badan bukan kerajaan (NGO) dengan menjadi tenaga pengajar di PPA di Pulau Mabul.

Terdapat empat orang responden TP kajian ini merupakan orang pelarian perang dari Filipina generasi pertama (datang ke Pulau Mabul pada tahun 1970-an) dan generasi kedua (anak orang pelarian generasi pertama dan dilahirkan di Pulau Mabul).

**JADUAL 3** Responden temu bual tentang pendidikan di Pulau Mabul.

Singkatan	Responden	Maklumat diri
TP2	Tenaga Pengajar 2	Penduduk warganegara dan pengasas <i>Mabul Kids Education Society</i>
TP3	Tenaga Pengajar 3	Pendatang dan pengajar <i>Mabul Kids Education Society</i>
TP4	Tenaga Pengajar 4	Orang pelarian generasi pertama dan pengajar Kelas Bimbingan Insan
TP5	Tenaga Pengajar 5	Orang pelarian generasi kedua Pengajar Kelas Bimbingan Insan
TP6	Tenaga Pengajar 6	Orang pelarian generasi kedua dan Pengajar Yayasan Guru Malaysia Berhad
TP7	Tenaga Pengajar 7	Warganegara dan tenaga pengajar NGO di Kelas Bimbingan Insan

**Pemerhatian ikut serta**

Pemerhatian ikut serta dilakukan dengan menjadi tenaga pengajar di dua buah PPA di Pulau Mabul iaitu di *Mabul Kids Education Society* (MKES) dan Kelas Bimbingan Insan (KBI). Selain melakukan pemerhatian tentang persekitaran di PPA, fokus pemerhatian ikut serta adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berlaku antara tenaga pengajar dan kanak-kanak di PPA. Pemerhatian ikut serta di kedua-dua PPA dilakukan pada setiap hari, iaitu selama tiga bulan kecuali hari cuti. Pemerhatian ikut serta di KBI bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Sementara itu, pemerhatian ikut serta di MKES hanyalah sejam sahaja pada setiap malam, iaitu bermula pada pukul 8.00 malam hingga 9.00 malam.

Satu lagi PPA di Pulau Mabul iaitu Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) tidak dipilih untuk pemerhatian ikut serta kerana aktiviti pendidikan di YGMB bermula pada waktu petang. Pemerhatian pengkaji semasa berada di lapangan mendapati kanak-kanak yang menerima pendidikan alternatif di YGMB pada waktu petang adalah sama dengan kanak-kanak yang menerima pendidikan alternatif di MKES pada waktu malam. Oleh itu, pengkaji tidak memilih YGMB untuk menjalankan pemerhatian ikut serta, sementara waktu petang adalah masa yang digunakan oleh pengkaji untuk menemu bual tenaga pengajar (TP) di Pulau Mabul. Walau bagaimanapun, YGMB dilibatkan dalam kaedah temu bual separa berstruktur.

## **Pendekatan Keterangkuman Sosial**

Pendekatan keterangkuman sosial yang digunakan dalam artikel ini diadaptasi daripada kerangka konseptual keterangkuman sosial oleh Kerajaan Australia seperti yang dilaporkan oleh *Analysis & Policy Observatory* (2012). Terdapat tiga dimensi yang digunakan dalam artikel ini untuk melihat proses keterangkuman sosial di tiga buah PPA di Pulau Mabul iaitu dimensi sumber (*resources*), keupayaan (*capabilities*) dan peluang (*opportunities*) yang saling menyokong antara satu sama lain. Sokongan antara satu dimensi dengan dimensi yang lain dikenali sebagai rangkaian. Terdapat enam rangkaian dimensi yang perlu dilalui menuju keterangkuman sosial. Rajah 1 menggambarkan enam rangkaian dimensi menuju keterangkuman sosial mengikut susunan nombor satu hingga enam seperti berikut:

- a. Nombor (1) menunjukkan rangkaian antara dimensi sumber dan peluang.
- b. Nombor (2) menunjukkan rangkaian antara dimensi sumber dan keupayaan.
- c. Nombor (3) menunjukkan rangkaian antara dimensi keupayaan dan sumber.
- d. Nombor (4) menunjukkan rangkaian antara dimensi keupayaan dan peluang.
- e. Nombor (5) menunjukkan rangkaian antara dimensi peluang dan keupayaan.
- f. Nombor (6) menunjukkan rangkaian antara dimensi peluang dan sumber.

## **DAPATAN KAJIAN**

Rajah 1 menerangkan bahawa PPA di Pulau Mabul merupakan sumber yang (1) mewujudkan peluang persekitaran pendidikan (pembayaran dan operasi) kepada kanak-kanak yang tidak dapat mengikuti pendidikan kebangsaan atau mendaftar di sekolah kerajaan, iaitu SK Pulau Mabul disebabkan tiada kewarganegaraan kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri. PPA juga adalah sumber yang (2) menawarkan tenaga pengajar (modal manusia) dan subjek (mata pelajaran) untuk memberi keupayaan kepada kanak-kanak

tersebut. Seterusnya (3) keupayaan yang dihasilkan daripada sokongan PPA adalah pengetahuan dan kemahiran yang (4) akan dapat memberi peluang kepada kanak-kanak di PPA menjadi modal manusia. Pengetahuan dan kemahiran tersebut diperolehi daripada (5) peluang persekitaran yang disediakan oleh sumber (aset iaitu tempat belajar, bahan pengajaran dan pembelajaran dan kemudahan pendidikan). Setelah berupaya menjadi modal manusia, barulah kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA (6) mempunyai peluang memberi pulangan pelbagai modal kepada sumber untuk rangkaian yang seterusnya. Akhir sekali, penglibatan dalam rangkaian ketiga-tiga dimensi ini akan membawa ke arah keterangkuman sosial dalam masyarakat, khususnya di Pulau Mabul, Sabah.

Hasil kutipan dan analisis data kajian dibincangkan mengikut dimensi dan rangkaian sokongan antara dimensi mengikut susunan nombor iaitu, (1) sumber - peluang, (2) sumber - keupayaan, (3) keupayaan - sumber, (4) keupayaan - peluang, (5) peluang - keupayaan, dan (6) peluang - sumber.

### **Rangkaian dimensi pertama (1): Sumber - peluang**

PPA di Pulau Mabul merupakan sumber yang telah mewujudkan peluang persekitaran pendidikan kepada kanak-kanak yang tidak mendapat akses terhadap pendidikan formal di SK Pulau Mabul disebabkan tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan tiada kewarganegaraan. PPA ditubuhkan, dibiayai dan digerakkan oleh orang perseorangan dan badan bukan kerajaan (NGO). Maklumat tentang penubuhan, pembiayaan dan operasi PPA di Pulau Mabul adalah seperti berikut:

a. ***Mabul Kids Education Society (MKES)*** diasaskan oleh seorang pemilik agensi selam skuba di Pulau Mabul dan membiayai operasi di MKES menggunakan wangnya sendiri. Beliau telah mendaftarkan MKES dalam PPA di bawah KPM. Beliau juga menyediakan bangunan (balai raya lama) sebagai tempat belajar dan membayar upah bulanan tenaga pengajar. Selepas itu, aktiviti pendidikan di MKES mula mendapat perhatian masyarakat dan menerima sumbangan dan derma daripada pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Mabul, penyelam skuba dari dalam dan luar negara dan badan bukan kerajaan (NGO) dari dalam dan luar negara.



b. **Kelas Bimbingan Insan (KBI)** pula diasaskan dan dibiayai oleh NGO HALUAN Malaysia. NGO HALUAN membina KBI di Kampung Moso, Pulau Mabul dan membayar upah bulanan kepada dua orang tenaga pengajar di KBI.

c. **Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB)** pula diasaskan dan dibiayai oleh NGO Yayasan Guru Malaysia Berhad dan operasinya dibantu oleh Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Pelarian (JKKMP) Kampung Pulau Mabul yang diketuai oleh Ketua Kampung Imigran. Aktiviti pendidikan YGMB dijalankan dengan meminjam kelas di SK Pulau Mabul pada waktu petang. Upah bulanan tenaga pengajar di YGMB dibiayai oleh NGO Yayasan Guru Malaysia Berhad.

Kewujudan tiga buah PPA di Pulau Mabul adalah perkara yang baik kepada kanak-kanak di Pulau Mabul. Namun, disebabkan pembiayaan dan operasi dilakukan oleh orang perseorangan dan NGO, maka peruntukan kewangan adalah sangat terhad dan persekitaran pendidikan yang diwujudkan hanyalah berbentuk asas iaitu hanya ada tempat belajar dan tenaga pengajar yang boleh mengajar. Selain itu, PPA di Pulau Mabul juga sangat memerlukan ihsan dan sumbangan daripada agensi kerajaan, NGO, masyarakat dan orang perseorangan untuk kelangsungan aktiviti pendidikan. Hasil pemerhatian penulis sebagai tenaga pengajar di MKES selama tiga bulan, MKES di Pulau Mabul mendapat sumbangan dari dalam dan luar negara untuk meneruskan operasi dan kelangsungan aktiviti pendidikan berbanding KBI dan YGMB.

### **Rangkaian dimensi kedua (2): Sumber - keupayaan**

PPA juga adalah sumber yang menawarkan tenaga pengajar (modal manusia) dan subjek (mata pelajaran) kepada kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA. Sehubungan itu, pengkaji telah menemu bual tenaga pengajar di ketiga-tiga PPA untuk mengetahui latar belakang dan kelayakan mereka menjadi tenaga pengajar disitu. Hasil temu bual tersebut ditunjukkan dalam Jadual 4.

**JADUAL 4** Latar belakang tenaga pengajar di PPA.

PPA	Tenaga Pengajar	Latar Belakang Pendidikan
MKES	TP1	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berasal dari negara Filipina dan tiba di Pulau Mabul untuk mencari pekerjaan pada tahun 2007.</li> <li>- Mendapat pendidikan menengah di Filipina.</li> <li>- Boleh berkomunikasi dalam bahasa Melayu, Inggeris, Bajau dan Suluk.</li> <li>- Migran ekonomi dan pemegang dokumen passport antarabangsa.</li> </ul>
	TP2	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Berasal dari negara Filipina dan tiba di Pulau Mabul pada tahun 1984 selepas berkahwin dengan penduduk di Pulau Mabul.</li> </ul>
KBI		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapat pendidikan rendah (agama) dan menengah (tetapi tidak menghabiskan pengajiannya) di Filipina.</li> <li>- Bertaraf sebagai penduduk tetap dan pemegang dokumen MyPR.</li> </ul>
	TP3	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merupakan anak orang pelarian dari Filipina (kini sudah menjadi penduduk warganegara) dan dilahirkan di Pulau Mabul pada tahun 1994.</li> <li>- Mendapat pendidikan rendah di SK Pulau Mabul dan pendidikan menengah di Semporna hingga Tingkatan 5, namun tidak mengambil peperiksaan SPM.</li> <li>- Berstatus warganegara dan pemegang dokumen MyKad.</li> </ul>
YGMB	TP4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Merupakan anak Ketua Kampung Imigran dan dilahirkan di Pulau Mabul pada tahun 1994.</li> <li>- Mendapat pendidikan peringkat rendah di SK Pulau Mabul dari Darjah 1 hingga 6 tetapi tidak mengambil peperiksaan UPSR.</li> <li>- Anak orang pelarian Filipina dan pemegang dokumen IMM13.</li> </ul>

### **Rangkaian dimensi ketiga (3): Keupayaan – sumber**

Keupayaan yang dihasilkan daripada sokongan PPA adalah pengetahuan dan kemahiran melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P). Aktiviti P&P yang diberi fokus dalam kajian ini adalah waktu aktiviti P&P dijalankan dan subjek yang diajar kepada kanak-kanak di PPA. Aktiviti P&P di MKES diadakan pada setiap hari dan waktu P&P dijalankan selama sejam sahaja, bermula pada pukul 8.00 malam hingga 9.00 malam. Seterusnya, waktu P&P di Kelas Bimbingan Insan (KBI) dijalankan selama empat jam setengah termasuk masa rehat pada setiap hari Isnin hingga Jumaat, bermula pada pukul 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Begitu juga dengan aktiviti P&P di YGMB diadakan pada setiap hari Isnin hingga Jumaat selama tiga jam, bermula pada pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang.

Subjek yang diajar di PPA adalah seperti dalam Jadual 5. Jadual tersebut menunjukkan subjek yang diajar di MKES adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Seni. Silibus P&P disediakan oleh tenaga pengajar di MKES iaitu TP1. Menurut TP1, aktiviti P&P di MKES hanya memberikan pendidikan asas sahaja (3M), iaitu dengan cara mengajarnya secara berulang-ulang agar kanak-kanak boleh mengingat dan memahami pengajaran tersebut. Sebagai contoh bagi subjek Pendidikan Seni, cara pengajarannya adalah secara berulang-ulang dengan melukis tema lukisan yang sama, iaitu 'kehidupan di dalam laut', tetapi ketika diulang lukis, kanak-kanak dapat melukisnya dengan lebih baik.

**JADUAL 5** Subjek yang diajar di Pusat Pembelajaran Alternatif di Pulau Mabul

PPA	Subjek	Penjelasan
MKES	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Pendidikan Seni	- Silibus pengajaran dan pembelajaran disediakan oleh tenaga pengajar.
		- Pengajaran dan pembelajaran adalah di peringkat asas sahaja iaitu membaca menulis dan mengira.
KBI	Bahasa Melayu, Matematik dan Pendidikan Islam	- Silibus pengajaran dan pembelajaran disediakan oleh tenaga pengajar.
		- Pengajaran dan pembelajaran adalah di peringkat asas sahaja iaitu membaca, menulis dan mengira.
YGMB	Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Pendidikan Islam	- Silibus pengajaran dan pembelajaran disediakan oleh tenaga pengajar.
		- Pengajaran dan pembelajaran adalah di peringkat asas sahaja iaitu membaca, menulis dan mengira.

**Rangkaian dimensi keempat (4): Keupayaan – peluang**

Jadual 6 menunjukkan hasil temu bual pengkaji dengan lima orang kanak-kanak yang mengikuti pendidikan alternatif di PPA di Pulau Mabul. Data temu bual adalah berkenaan pengetahuan dan kemahiran yang diterima oleh kanak-kanak tersebut di PPA. Responden KK1 mewakili responden kanak-kanak pertama (1) dan seterusnya.

**JADUAL 6** Pengetahuan yang diterima di PPA

Responden	Pengalaman Pendidikan
KK1	<p>“Sekarang saya sudah pandai membaca dan mengira. Saya rasa seronok NGO datang buat aktiviti di Pulau Mabul, tapi tidak beri perubahan dalam hidup. Lepas mereka balik, jadi balik macam biasa.”</p> <p><u>Terjemahan:</u></p> <p>- Selepas belajar di PPA, KK1 mengetahui pendidikan asas 3M. KK1 juga seronok dengan aktiviti pendidikan oleh NGO, tetapi aktiviti tersebut tidak memberi perubahan dalam kehidupannya.</p>

- KK2 “*Saya sudah pandai membaca dan mengira sebab dulu saya pernah belajar sekolah rendah di Semporna tapi lepas tu tidak dapat sambung belajar di sekolah menengah sebab **masalah dokumen**. Saya suka NGO datang buat aktiviti di Pulau Mabul. Diorang baik dan saya rasa diterima macam orang biasa”.*  
Terjemahan:  
- Sebelum belajar di PPA, KK2 pernah menerima pendidikan rendah di Semporna, tetapi tidak dapat melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah menengah kerana **tidak memiliki dokumen pengenalan diri**. KK2 juga suka dengan aktiviti pendidikan yang dijalankan oleh NGO di Pulau Mabul sebab kedatangan mereka menjadikan dirinya rasa diterima walaupun **tidak memiliki dokumen pengenalan diri**.
- KK3 “*Saya suka belajar di MKES sebab saya boleh belajar Bahasa Melayu, English, Matematik, Art dan sukaneka.”*  
Terjemahan:  
-KK3 suka belajar di MKES sebab dia boleh mempelajari subjek Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Bahasa Inggeris, Pendidikan Seni dan mengikuti aktiviti sukaneka.
- KK4 “*Dulu saya pernah belajar di SK Pulau Mabul masa saya berumur 7 tahun. Saya belajar Bahasa Malaysia, Matematik, Sains, English, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Islam dan sebagainya. Lepas tu masa saya berumur 11 tahun saya disuruh berhenti sebab **tiada dokumen**. Masa tu lah saya mula belajar di MKES. Cikgu Alee ajar subjek Matematik, Bahasa Malaysia, English dan Art saja, Tapi ada juga aktiviti sukaneka. Saya suka juga belajar di MKES sebab banyak pelawat datang bagi sumbangan dengan kami yang belajar di MKES.”*  
Terjemahan:  
-Sebelum belajar di MKES, ketika KK4 berumur 7 tahun, KK4 pernah menerima pendidikan rendah di S Pulau Mabul dan mempelajari subjek Bahasa Malaysia, Matematik, Sains, English, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, Pendidikan Islam dan sebagainya. Namun, semasa dia berumur 11 tahun, KK4 telah disuruh berhenti belajar di SK Pulau Mabul kerana **tidak memiliki dokumen pengenalan diri**. Selepas itu, barulah dia belajar di PPA dan terhad belajar subjek Matematik, Bahasa Malaysia, English dan Art selain mengikut aktiviti sukaneka. KK4 suka belajar di PPA kerana ramai pelawat atau NGO yang datang memberikan sumbangan kepada kanak-kanak yang belajar di situ.
- KK5 “*Masa saya berumur 9 tahun, saya sekolah di SK Pulau Mabul. Saya belajar Bahasa Melayu, Matematik, English, Agama Islam, Sains, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Lepas tu saya belajar di MKES masa saya berumur 11 tahun. Saya suka belajar di MKES sebab banyak NGO datang mengajar kami. Diorang buat sukaneka, ajar kami jadi budak yang baik dan pungut sampah.”*  
Terjemahan:  
-KK5 pernah menerima pendidikan di SK Pulau Mabul semasa dia berumur sembilan tahun dan mempelajari subjek Bahasa Melayu, Matematik, English, Pendidikan Islam, Sains, Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Semasa dia berumur 11 tahun, barulah dia belajar di MKES yang banyak dikunjungi oleh NGO untuk melakukan aktiviti pendidikan bersama-sama mereka.
- 

Sehubungan itu, pendidikan asas 3M yang diterima oleh kanak-kanak di PPA ataupun yang mengikuti aktiviti pendidikan yang dianjurkan oleh pihak luar dan NGO di Pulau Mabul hanyalah memberikan mereka pengetahuan

asas sahaja. Pendidikan asas dan aktiviti pendidikan itu juga tidak dapat mengupayakan kanak-kanak tersebut sebagai modal manusia dan menjadi tenaga buruh separa mahir atau mahir pada masa depan, sedangkan kanak-kanak ini mempunyai cita-cita tinggi tetapi tidak dapat direalisasikan kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

### Rangkaian dimensi kelima (5): Peluang – keupayaan

Peluang persekitaran pendidikan di PPA yang disediakan oleh sumber adalah ruang dan tempat aktiviti P&P, bahan P&P seperti buku dan alat tulis serta kemudahan pendidikan seperti meja, kerusi, lampu dan kipas. Sehubungan itu, pengkaji menemu bual lima orang kanak-kanak dan tenaga pengajar di PPA untuk mengetahui penerimaan mereka terhadap persekitaran pendidikan di situ.

Hasil temu bual dan dapatan kajian berhubung masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak di PPA adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. Menerusi temu bual dengan kanak-kanak di PPA mendapati mereka menerima persekitaran pendidikan di PPA seadanya, asalkan mereka mempunyai tempat belajar. Masalah yang dihadapi oleh mereka di PPA hanyalah disebabkan oleh jumlah kanak-kanak yang terlalu ramai dan berbuat bising ketika aktiviti P&P dijalankan. Keadaan ini menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk belajar di PPA.

**JADUAL 7** Masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak di Pusat Pembelajaran Alternatif

Responden	Masalah yang Dihadapi oleh Kanak-kanak di PPA
KK1	<p>“<i>Ramai betul orang di dalam kelas buat bising. Kepala saya pening. Saya tidak tahu sudah apa yang Cikgu Alee ajar. Diorang tidak dengar. Main-main jak.</i>”</p> <p><u>Terjemahan:</u> -KK1 tidak selesa dengan keadaan di dalam kelas yang padat dengan kanak-kanak. Mereka suka bermain dalam kelas dan berbuat bising ketika aktiviti P&amp;P dijalankan.</p>
KK2	<p>“<i>Sekolah di sini ada satu sahaja iaitu SK Pulau Mabul. Itupun kanak-kanak mesti ada dokumen sendiri. <b>Saya tiada dokumen</b>, sebab itu belajar di MKES.</i>”</p> <p><u>Terjemahan:</u> Pulau Mabul hanya mempunyai sebuah sekolah kebangsaan yang memberikan pendidikan formal dengan syarat kemasukan pendaftaran menggunakan dokumen pengenalan diri rasmi. Walau bagaimanapun responden KK2 <b>tidak mempunyai dokumen pengenalan diri</b> dan hanya boleh menerima pendidikan di MKES.</p>

- KK3 “Ada adik-beradik saya yang tidak dapat pergi ke sekolah sebab sudah penuh. Kelas pun sempit. Saya rasa tidak selesa sebab terlalu ramai murid.”  
Terjemahan:  
- Responden KK2 mempunyai adik-beradik yang tidak dapat belajar di PPA kerana jumlah kanak-kanak yang belajar di PPA sudah mencukupi. Jumlah kanak-kanak yang belajar di PPA juga terlalu ramai dan menjadikan PPA sempit dan tidak selesa.
- KK4 “Saya tidak puas belajar sebab guru seorang saja. Budak-budak suka bising dalam kelas.”  
Terjemahan:  
- KK4 berasa tidak puas belajar di PPA kerana kanak-kanak yang belajar di PPA sangat ramai tapi hanya ada seorang guru sahaja.
- KK5 “Ramai betul murid dalam kelas. Bising betul. Saya tidak dapat belajar.”  
Terjemahan:  
- KK5 tidak selesa dengan keadaan di PPA yang mempunyai ramai kanak-kanak dan mereka berbuat bising sehingga menjadikan KK5 tidak dapat fokus untuk belajar.
- 

Oleh hal yang demikian, persekitaran pendidikan di PPA adalah serba kekurangan dengan bahan P&P yang tidak mencukupi, kemudahan yang rosak dan tempat belajar yang sempit dan bising. Keadaan persekitaran yang serba kekurangan ini turut mempengaruhi keupayaan yang diterima oleh kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA.

### **Rangkaian dimensi keenam (6): Peluang – sumber**

Keupayaan yang diterima oleh kanak-kanak di PPA mempengaruhi kemampuan mereka menjadi modal manusia dan peluang memberi pulangan pelbagai modal kepada sumber untuk rangkaian yang seterusnya. Dapatan kajian daripada temu bual bersama kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA berkenaan hasil pendidikan yang mereka peroleh di PPA mendapati mereka masih mengharapkan pendidikan yang seterusnya selepas di PPA, iaitu di peringkat sekolah menengah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 8. Berdasarkan jadual tersebut, responden KK2, KK4 dan KK5 berharap agar dapat melanjutkan pelajaran di peringkat menengah. Responden KK1 pula berharap dengan pendidikan yang diterimanya di PPA dapat menjadikannya sebagai orang yang berguna. Sementara itu, KK3 pula sudah menerima kehidupannya tanpa dokumen dan hanya ingin terus tinggal di Pulau Mabul.

**JADUAL 8** Hasil pendidikan di PPA terhadap kanak-kanak di Pulau Mabul

<b>Responden</b>	<b>Pulangan Modal</b>
KK1	<i>“Saya berharap sangat jadi orang yang berguna.”</i>
KK2	<i>“Saya ingin melanjutkan pelajaran saya sehinggalah saya dapat mengejar cita-cita saya. Itupun kalau diberi peluang. Insya-Allah.”</i>
KK3	<i>“Saya tidak kisah dokumen yang saya ada. Saya tidak cemburu dengan kawan-kawan yang bersekolah menengah sebab kehidupan di Pulau Mabul baik.”</i>
KK4	<i>“Saya akan belajar bersungguh-sungguh supaya saya dapat sambung belajar di sekolah menengah. Saya mahu belajar subjek Sejarah yang ada diajar di sekolah menengah.”</i>
KK5	<i>“Saya cemburu dengan kawan-kawan yang ada dokumen sebab mereka boleh sambung belajar di sekolah menengah. Saya tidak dapat sebab <b>tiada dokumen.</b>”</i>

Sehubungan itu, kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA masih lagi mengharapkan pendidikan yang selanjutnya. Walau bagaimanapun, mereka tidak layak mendapatkan pendidikan di sekolah rendah, apatah lagi di peringkat sekolah menengah kerana tidak memiliki dokumen pengenalan diri. Oleh itu, kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA bukan sahaja memiliki keupayaan yang terhad, malah tidak dapat memberi pulangan pelbagai modal kepada sumber.

### **Pendidikan Alternatif sebagai Wadah Keterangkuman Sosial**

Penglibatan dalam rangkaian ketiga-tiga dimensi, iaitu sumber, keupayaan dan peluang akan menjadikan kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri di Pulau Mabul mengalami proses keterangkuman sosial. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbincangan dalam dapatan kajian di PPA sebelum ini menunjukkan bahawa pendidikan di PPA hanya menawarkan sumber pendidikan asas 3M kepada kanak-kanak menyebabkan PPA tidak dapat memberi keupayaan kepada kanak-kanak tersebut untuk menjadi modal manusia dan tiada mampu memberi pulangan pelbagai modal kepada sumber. Secara ringkasnya, proses keterangkuman sosial berdasarkan dimensi sumber, dimensi keupayaan dan dimensi peluang di PPA di Pulau Mabul adalah seperti dalam Jadual 9.



**JADUAL 9** Dimensi keterangkuman sosial di PPA

<b>Dimensi</b>	<b>Sokongan</b>	<b>Penjelasan</b>
<b>Sumber</b>	(1) Peluang	Kekangan pembiayaan dan operasi.
	(2) Keupayaan	Tenaga pengajar yang kurang dan tidak terlatih dan jumlah subjek yang terhad.
<b>Keupayaan</b>	(3) Sumber	Pengetahuan dan kemahiran di peringkat pendidikan asas 3M sahaja.
	(4) Peluang	Tempat belajar yang tidak selesa dan kekurangan bahan P&P serta kemudahan pendidikan.
<b>Peluang</b>	(5) Keupayaan	Pengetahuan dan kemahiran di peringkat asas tidak berupaya menjadikan mereka modal manusia, iaitu tenaga buruh separa mahir atau mahir.
	(6) Sumber	Tanpa keupayaan, mereka tidak dapat memberi pulangan pelbagai modal kepada sumber untuk rangkaian yang seterusnya.

Jadual 9 menunjukkan dimensi sumber hanya dapat menyediakan peluang persekitaran yang serba kekurangan di PPA disebabkan oleh kekangan kewangan. Hal ini demikian kerana PPA di Pulau Mabul ditubuhkan dan dioperasikan oleh orang perseorangan dan NGO. Oleh itu, PPA amat mengharapkan bantuan dan sumbangan luar untuk meneruskan kelangsungan penawaran sumber di PPA. Begitu juga dengan penawaran sumber keupayaan, PPA hanya dapat menawarkan keupayaan yang terhad dengan menyediakan tenaga pengajar yang tidak mencukupi dan tidak terlatih. Selain itu, jumlah subjek yang ditawarkan juga adalah terhad.

Seterusnya bagi dimensi keupayaan pula, keupayaan yang dihasilkan daripada sumber adalah pengetahuan pada peringkat pendidikan asas sahaja iaitu pengetahuan membaca, menulis dan mengira (pendidikan asas 3M). Pengetahuan ini diperoleh daripada peluang persekitaran pendidikan yang serba kekurangan. Oleh hal yang demikian, kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA tidak dapat diupayakan kerana pendidikan yang diberikan adalah pendidikan asas 3M yang tidak mampu membina pengetahuan, apatah lagi kemahiran untuk mengembangkan potensi kanak-kanak.

Maka, kekangan yang dialami daripada dimensi sumber dan ketidakmampuan dimensi keupayaan membina kemahiran dan potensi menyebabkan kanak-kanak di PPA tidak terlibat dalam dimensi peluang. Kanak-kanak tersebut tidak dapat diupayakan menjadi modal manusia dan

menyebabkan mereka tidak dapat memberi pulangan pelbagai modal kepada sumber untuk rangkaian yang seterusnya. Sehubungan dengan itu, PPA di Pulau Mabul tidak dapat melibatkan kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul dalam keterangkuman sosial.

Walau bagaimanapun, meskipun kanak-kanak yang menerima pendidikan alternatif di PPA tidak dapat melalui dimensi peluang, mereka telah melalui dimensi sumber dan dimensi keupayaan dalam proses keterangkuman sosial. Keadaan tersebut adalah lebih baik berbanding tidak melalui dimensi-dimensi tersebut sama sekali seperti kanak-kanak lain di Pulau Mabul yang tidak menerima sebarang pendidikan. Hal ini demikian kerana berdasarkan profil penduduk Kampung Pulau Mabul pada tahun 2014, jumlah kanak-kanak yang berada dalam umur persekolahan di Pulau Mabul adalah seramai 743 orang. Jumlah kanak-kanak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri dan tiada kewarganegaraan pula sebanyak 74 peratus (553 orang) (Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Pelarian Kampung Pulau Mabul, 2014).

Pada tahun 2014, jumlah kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA seramai 155 orang. Pembahagian jumlah kanak-kanak mengikut PPA menunjukkan jumlah kanak-kanak yang belajar di MKES seramai 95 orang, KBI seramai 30 orang dan YGMB seramai 30 orang. Sehubungan dengan itu, kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA hanyalah sebanyak 21 peratus daripada jumlah kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri di Pulau Mabul. Justeru, lebih kurang 79 peratus kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri di Pulau Mabul tidak menerima sebarang pendidikan dan tidak mengikuti proses keterangkuman sosial. Justeru, artikel ini mencadangkan supaya PPA yang menawarkan pendidikan alternatif kepada kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan diperbanyakkan agar lebih ramai kanak-kanak mendapat pendidikan. Kerjasama pelbagai pihak juga penting untuk memperkasakan pendidikan di PPA sebagaimana yang dibincangkan dalam laporan UNICEF (2015c).

Selain itu, kerajaan juga perlu membantu pihak badan bukan kerajaan dan orang perseorangan yang mengusahakan PPA dalam aspek kurikulum. artikel ini turut mencadangkan agar kurikulum di PPA menggunakan kurikulum kebangsaan untuk menerapkan semangat kebangsaan dalam diri

kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan. Kurikulum kebangsaan juga dapat menyediakan kanak-kanak tersebut menjadi warganegara yang baik dan berpendidikan. Oleh itu, melalui pendidikan kebangsaan, bukan sahaja dapat melibatkan kanak-kanak tersebut dalam keterangkuman sosial, malah kesepaduan sosial (Ong *et al.*, 2015).

## **RUMUSAN**

Kesimpulannya, PPA di Pulau Mabul tidak dapat melibatkan kanak-kanak yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul ke dalam keterangkuman sosial. Hal ini disebabkan kanak-kanak yang menerima pendidikan di PPA tidak dapat diupayakan dengan pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi untuk menjadikan kanak-kanak di PPA sebagai sumber manusia dan menyumbang kepada rangkaian keterangkuman sosial yang seterusnya. Walau bagaimanapun, sekiranya PPA diberikan bantuan dan kerjasama daripada pelbagai pihak autoriti, PPA mampu diperkasakan dan peranannya sebagai wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di negara ini dapat dicapai.

## **RUJUKAN**

- Allerton, C. (2017). Impossible children: Illegality and excluded belonging among children of migrants in Sabah, East Malaysia. *Journal of Ethnic and Migration Studies*, <https://doi.org/10.1080/1369183X.2017.1357464> [25 Julai 2017].
- Analysis & Policy Observatory. (2012). Social inclusion in Australia: How Australia is faring (2nd Ed.). Canberra: Australian Social Inclusion Board. <http://apo.org.au/node/30582> [11 Julai 2014].
- Avramoz, D. (2002). *Population studies No.37: People, demography, and social exclusion*. Strasbourg: Council of Europe Publishing. <http://www.avramov.org/media/upload/2013/12/SocialExclusion.pdf> [15 Oktober 2015].
- Azizah Kassim & Ubong Imang. (2005). Orang pelarian di Sabah: Status dan prospek. Dlm. Azizah Kassim (Pnyt.). *Proceedings of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah*, hlm. 91–114. Kota Kinabalu: Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, UMS.
- Badariah Saibeh. (2018). Pendidikan untuk keterangkuman sosial: Status kewarganegaraan dan kebolehcapaian pendidikan dalam kalangan penduduk di Pulau Mabul, Sabah. Tesis Doktor Falsafah (Tidak diterbitkan). Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Badariah Saibeh, Ong, P.L, Sivapalan Selvadurai, Marsitah Mohd Radzi, Nor Adlyizan

- Theis & Ong, P.H. (2013). Kepelebagaian sistem persekolahan di Malaysia: Tinjauan awal pengalaman komuniti Pulau Mabul di Sabah, Malaysia. Prosiding abstrak Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia XIII, hlm. 224. Anjuran kerjasama Universitas Padjadjaran dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bandung, 12–14 November.
- Badariah Saibeh. (2014a). Kanak-kanak *stateless* di Sabah: Satu tinjauan literatur. Kertas kerja 9th International Malaysian Studies Conference. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia dengan kerjasama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa dan Universiti Malaysia Terengganu. Kuala Terengganu, 18–20 Ogos.
- Badariah Saibeh. (2014b). Pembentangan data kerja lapangan di Sabah. Dlm. Ong, P.L. (Pngr.). *Pendidikan untuk kesepaduan sosial: Isu-isu berbangkit untuk Sabah*, hlm. 23–32. Siri Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM. Bil. 5. Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Badariah Saibeh. (2015). Menjejak status kanak-kanak *stateless*: Kes di Pulau Mabul, Sabah. Dlm. Ong P.L., Sivapalan Selvadurai, Ong, P.H., Marsitah Mohd Radzi & Ong, P.T. (Pngr.). *Stateless di Sabah: Antara Authority-Defined dan Everyday-Defined*, hlm. 62–66. Siri Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM. Bil. 6. Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Badariah Saibeh. (2016). Pendidikan dan status kewarganegaraan penduduk di Pulau Mabul, Sabah. Kertas kerja 10th International Malaysian Studies Conference. Anjuran Persatuan Sains Sosial Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kota Kinabalu, 15–17 Ogos.
- Daily Express*. (1981). Keeping the Filipino Refugees in Line. 27 Jun. Arkib Negeri Sabah.
- Daily Express*. (1984). About 100,000 Filipinos Now. 22 September. Arkib Negeri Sabah.
- Daily Express*. (1986). \$6 Million School for Filipino Refugees. 3 Januari. Arkib Negeri Sabah.
- Dugarova, E. (2015). *Social inclusion, poverty eradication and the 2030 agenda for sustainable development*. Geneva: United Nations Research Institute for Social Development.
- Frazer, H. & Marlier, E. (2013). *Assessment of progress towards the Europe 2020 social inclusion objectives: Main findings and suggestions on the way forward - A study of national policies*. Brussels: European Commission.
- Google Maps. (t.th.). Pulau Mabul, Semporna, Sabah, Malaysia. <https://www.google.com.my/maps/@5.4446556,119.6558479,8z?hl=en> [20 Oktober 2014].
- Jabil Mapjabil & Abdul Kadir Din. (2008). Komuniti nelayan dalam pembangunan pelancongan di Pulau Mabul. Dlm. Yahaya Ibrahim, Sulong Mohamad & Habibah Ahmad. (Pnyt.) *Isu Pembangunan Budaya, Komuniti dan Petempatan*, hlm. 195–205. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

- Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Pulau Mabul. (2012). Profil Penduduk Kampung Pulau Mabul Tahun 2012. Tidak diterbitkan.
- Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat Pelarian (JKKMP) Kampung Pulau Mabul. (2014). Profil Penduduk Kampung Pulau Mabul Tahun 2014. Tidak diterbitkan.
- Kamaruzaman Hj. Ampon & Ismail Ali. (2012). Isu, cabaran dan masa depan. Dlm. Ismail Ali & Yusten Karulus (Pnyt.) *Pulau Mabul: Dulu, Kini dan Masa Depan*, hlm. 75–84. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Malaysia: Education for all end decade review report 2000–2015*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lew, A. A. (2013). Where to dive? Ranking the world's top scuba diving location. Kertas kerja *Conference on Coastal, Island and Tropical Tourism: Global Impacts, Local Resilience*. Kota Kinabalu, 22–24 April.
- Olson, C. (2007). Malaysia: Undocumented children in Sabah vulnerable to statelessness. *Refugees International Bulletin*, 13 Jun. <http://www.refugeesinternational.org> [30 Disember 2014].
- Ong, P. L., Sivapalan Selvadurai, Ong, P. H., Marsitah Mohd Radzi & Ong, P.T (Pngr.). (2015). *Stateless di Sabah: Antara Authority-Defined dan Everyday-Defined*. Siri Kertas Laporan Penyelidikan KITA-UKM. Bil. 6. Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Oxoby, R. (2009). Understanding social inclusion, social cohesion, and social capital. *International Journal of Social Economics*, 36 (12), 1133–1152.
- Oyen, E. (1997). The contradictory concepts of social exclusion and social inclusion. Dlm. Gore, C. & Figueiredo, J. B. (Pnyt.). *Social Exclusion and Antipoverty Policy: A Debate*, hlm. 63–66. Geneva: International Institute for Labour Studies.
- Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Penggal Parlimen Ketiga, 7 Januari 1974 (Tun Haji Abdul Razak).
- Robo, M. (2014). Social inclusion and inclusive education. *Academicus - International Scientific Journal*, 10: 191–201. <http://www.academicus.edu.al/nr10/Academicus-MMXIV-10-181-191.pdf> [27 September 2014].
- UNESCO. (2015a). Education for all 2015, National Review: Malaysia National Education for All Review Report. <http://unesdoc.unesco.org/images/0022/002297/229719E.pdf> [10 Mac 2016].
- UNESCO. (2015b). Education 2030 (Incheon Declaration and Framework for Action): Towards inclusive and equitable quality education and lifelong learning for all. <http://unesdoc.unesco.org/images/0024/002432/243278e.pdf> [2 Mac 2016].
- UNICEF. (2013). Profile of children in Malaysia: Implementation of children's rights with equity. <http://www.unicef.org/malaysia/Unicef-ProfileOfChildrenInMalaysia.pdf> [16 Disember 2013].
- UNICEF. (2015a). *Children in Sabah: Situation analysis*. Kota Kinabalu: Unit Perancang Ekonomi Sabah.

- UNICEF. (2015b). Mapping alternative learning approaches, programmes and stakeholders in Malaysia. [https://www.unicef.org/malaysia/Mapping\\_Alternative\\_Learning\\_Report.pdf](https://www.unicef.org/malaysia/Mapping_Alternative_Learning_Report.pdf) [20 Januari 2017].
- UNICEF. (2015c). *Reaching the unreached: An assessment of the alternative education programme for refugee and undocumented children in Kampung Numbak, Kota Kinabalu, Sabah*. Kuala Lumpur: UNICEF Malaysia.
- United Nations Development Programme (UNDP). (2015). *The millennium development goals report 2015: Malaysia*. Kuala Lumpur: UNDP Malaysia
- Universal Declaration of Human Rights. (1948). <http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/> [15 September 2012].
- Zakaria Kasa. (2014). Isu dan cabaran pekerja asing di Malaysia: Dimensi sosio-budaya dan pendidikan. Kertas kerja Persidangan Dilema Negara: Isu dan Cabaran Pekerja Asing di Malaysia. Anjuran Majlis Profesor Negara dengan kerjasama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 15–16 Disember.